

09/01/1998

Sekat import barang mewah

Dewi Murni Mohamed

KUALA LUMPUR, Khamis - Gabungan Persatuan Pengguna Malaysia (Fomca) mahu supaya import barangan mewah seperti pakaian berjenama, kenderaan pacuan empat roda, perabot dan tembakau terus disekat, walaupun ada permintaan.

Presidennya, Prof Mohd Hamdan Adnan, berkata langkah itu perlu bagi memastikan pengguna tidak terus berbelanja untuk barangan kurang perlu, khususnya yang menjejaskan kesihatan seperti tembakau.

Selain itu, katanya, import produk makanan seperti keju, emping jagung, ikan kering, epal, anggur, brokoli, wain dan air mineral juga perlu dihentikan serta merta kerana banyak produk tempatan yang mampu menggantikannya.

"Apabila barangan berkenaan 'hilang' di pasaran, pengguna akan lebih menghargai barangan tempatan," katanya mengulas arahan Perdana Menteri supaya import semua barangan yang tidak laris di pasaran negara ini, disekat.

Arahan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad itu bertujuan mengelakkan pengaliran keluar wang negara, di samping menggalakkan penggunaan barangan tempatan.

Hamdan berkata, pengeluar dan pengilang tempatan bagaimanapun perlu bersedia dan bertindak agresif menyediakan alternatif kepada pengguna bagi mengisi kekosongan berikutan sekatan terhadap import barangan luar negara itu.

"Langkah menyekat import barangan terbabit perlu diikuti dengan usaha menghasilkan produk alternatif tempatan secara besar-besaran yang setanding bagi mengelakkan kekurangan bahan itu di pasaran," katanya.

Mengenai kempen 'Cintai Malaysia, Belilah Barangan Buatan Malaysia', beliau menyarankan pihak berkuasa dan pemimpin lebih ikhlas dan telus dalam melaksanakannya.

Beliau berkata, sikap mereka yang 'cakap tak serupa bikin' menyebabkan kesedaran pengguna di negara ini masih belum memuaskan, walaupun pelbagai kempen dijalankan.

Sementara itu, Setiausaha Agung Persatuan Pengilang Bumiputera Malaysia (PPBM), Musa Khatab, berkata 90 peratus daripada ahli PPBM terbabit dalam perusahaan makanan menghadapi masalah memasarkan barangan ke pasar raya terkenal.

"Pasar raya itu tidak berminat meletakkan barangan keluaran tempatan, walaupun kualiti pembungkusannya setanding dengan diimport," katanya.

(END)